




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 383 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 38,555 kes. Lima (5) kes kematian direkodkan iaitu dua (2) kes di Daerah Lahad Datu dan masing-masing satu (1) kes di Kota Kinabalu, Kinabatangan dan Sandakan. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 214 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 35,744 orang. Sejumlah 2,112 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 679 orang di hospital dan 1,433 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 55 orang dan 16 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Pitas berubah dari zon jingga ke zon merah.

- 4 Pada hari ini, satu (1) kluster baharu dilaporkan di Daerah Putatan iaitu Kluster Tombovo mencatatkan sebanyak 12 kes menjadikan jumlah kumulatif 18 kes.
- 5 Daripada 303 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 250 kes (65.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 64 kes (16.7%), saringan kluster baharu dan kluster-kluster sedia ada tiga 31 kes (8.1%), saringan komuniti dua (2) kes (0.5%) dan 36 kes (9.4%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 957 unit. Terdapat penambahan sembilan (9) unit katil di hospital Tawau. Manakala, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,487 unit katil dengan ditambah 15 katil di PKRC Dewan Badminton Keningau dan enam (6) katil PKRC Tambunan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan katil adalah 6,392 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini 32.77%.

#### **B. PEMAKLUMAN PENGANJURAN AKTIVITI ATAU MAJLIS SOSIAL KEPADA PUSAT KAWALAN OPERASI BENCANA (PKOB) DAERAH**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah telah memutuskan bahawa Penganjuran sebarang aktiviti atau majlis sosial melibatkan perhimpunan orang ramai perlu dimaklumkan kepada pihak PKOB daerah masing-masing bagi tujuan pemantauan pematuhan SOP yang telah di gariskan oleh pihak berkuasa tempatan.

#### **C. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga hari ini, sebanyak **312,112** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

#### D. BANTUAN LOGISTIK

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 236 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak sembilan (9) buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19 dan baki 227 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

#### E. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **96.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	98%
2	Kota Belud	98%
3	Kota Kinabalu	97%
4	Kinabatangan	97%
5	Kudat	97%
6	Beaufort	97%
7	Kunak	97%
8	Semporna	97%
9	Penampang	97%
10	Papar	97%
11	Kota Marudu	97%
12	Beluran	97%
13	Sandakan	97%
14	Ranau	97%
15	Lahad Datu	96%
16	Tuaran	96%
17	Keningau	96%
18	Tenom	96%
19	Tawau	96%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan kompaun RM1000.00 di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988).
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

## **F. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)**

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis di empat (4) daerah iaitu Sandakan, Tawau, Semporna dan Keningau.
- 2 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 69 lokasi sembilan (9) daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Dusun dan Bahasa Bajau.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putuskan rantai COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**

5 Januari 2021